



DALAM era digital, perkembangan ekonomi gig meningkat begitu mendadak.

# Krisis buka peluang

26 peratus dalam pasaran kerja tawar khidmat sebagai freelancer

Oleh Mahaizura Abd  
Malik dan Murnaena  
Muhammad Nasir  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**K**risis ekonomi akibat kesan penularan pandemik Covid-19 seharusnya dijadikan peluang keemasan buat rakyat Malaysia dalam meneroka bidang baharu seperti ekonomi gig yang semakin berkembang.

Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pendanaan, Jaringan Korporat dan Komuniti) Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Normaz Wana Ismail berkata, dalam era digital, perkembangan ekonomi gig meningkat begitu mendadak sama ada dalam negara mahupun di peringkat global.

Katanya, secara umumnya, ekonomi gig adalah pe-



LAPORAN muka depan Harian Metro, semalam.

kerjaan berasaskan jangka pendek, secara kontrak, projek atau bebas dan tidak terikat dengan mana-mana syarikat secara tetap.

"Di Malaysia, dianggarkan 26 peratus dalam pasaran kerja menawarkan perkhidmatan sebagai *freelancer* dan mereka yang terbabit misalnya pemandu e-hailing saja lebih 160,000 orang.

"Dalam penyelidikan saya,

mereka yang bekerja secara bebas ini kebanyakannya terdiri daripada pakar teknologi maklumat, pereka grafik, pembangun perisian komputer, penulis kandungan, pengurusan acara, penolong perakaunan, dan pelbagai pekerjaan lain dalam kategori bekerja sendiri.

"Pada masa depan, saya menjangkakan banyak lagi sektor yang dahulunya for-

mal akan membuka peluang kepada *freelancer* untuk bekerja berasaskan projek mahupun kontrak termasuk perkhidmatan perbankan dan kewangan, hartanah, pembinaan, perakaunan, pemasaran dan sumber manusia," katanya.

Beliau mengulas trend wanita bekerja dalam sektor ekonomi gig terutama penghantar bermotosikal susulan terkesan Covid-19.

Katanya, keadaan itu memberikan impak positif dalam ekosistem ekonomi negara selain membantu meningkatkan pendapatan individu dan isi rumah terutama mereka yang terjejas akibat Covid-19.

"Dalam keadaan ekonomi yang bergerak perlahan dan memberi kesan ke atas pendapatan individu, bekerja dalam apa jua pekerjaan yang boleh memberikan sumber pendapatan dengan jalan betul digalakkan," katanya.